

**Tidak mungkin MH370 terbang ke sebelah utara, kata pengawal trafik India**  
**Astro Awani**  
**16 Mac, 2014**

**KUALA LUMPUR:** Penganalisis dan pegawai industri penerbangan antarabangsa tidak yakin pesawat Malaysia Airlines yang hilang lebih 200 jam lalu boleh terbang dengan mudah ke wilayah sebelah utara tanpa dapat dikesan oleh radar.

Ini kerana negara-negara di kawasan jalur antara sempadan Kazakhstan hingga ke utara Thailand itu diketahui mempunyai sistem radar pertahanan yang mantap khususnya India.

Pengawal trafik udara di Kolkata, India menolak kemungkinan pesawat penerbangan MH370 yang hilang itu masuk ke ruang udara India dan terbang sehingga ke jalur utara yang ditunjukkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dalam sidang media pada Sabtu.

"Tentera Udara India mempunyai radar di beberapa tempat di serata negara dan adalah mustahil tidak ada satu pun antaranya yang mengesan blip ganjil yang tidak ada kebenaran terbang," kata setiausaha persatuan pegawai trafik udara di Kolkata, Sugata Pramanik seperti dipetik oleh Times of India.

Jelas Sugata, pesawat MH370 mungkin boleh mengelak daripada dikesan oleh radar pemantauan sekunder tetapi ia masih boleh dikesan oleh radar pemantauan primer yang digunakan oleh tentera udara.

Beliau juga menambah semua penerbangan dari Malaysia menghala arah barat daya menuju ke Kazakhstan akan melalui kawasan maklumat penerbangan Kolkata.

Laporan Times of India menyebut India mempunyai sembilan zon pertahanan udara yang dikawal sepanjang masa 24 jam sehari bagi mengelak sebarang pesawat musuh mencerooboh ruang udaranya.

Seorang pengawal trafik udara yang lain, Sushil Mondal pula menjelaskan keadaan akan jadi haru-biru sekiranya tentera udara India mengesan pesawat yang tidak mempunyai kebenaran terbang di ruang udaranya termasuk "mengerah pesawat tentera menembak jatuh (pesawat itu)."

"Ini tidak berlaku pada Sabtu (8 Mac) lalu," katanya.

Kenyataan dua pengawal trafik udara itu disokong oleh kenyataan Paul Hayes, pengarah keselamatan dan insurans di sebuah firma rundingan penerbangan, Ascend Worldwide yang berpejabat di London.

"Saya tidak percaya sebuah pesawat boleh terbang masuk ke ruang udara India tanpa dikesan," katanya seperti dipetik oleh Bloomberg.

India pada Ahad menggantungkan operasi carian di sekitar Kepulauan Andaman dan Kepulauan Nicobar serta Teluk Benggala dan menunggu permintaan baru daripada Malaysia.

"Seluruh operasi ditangguhkan buat masa ini. Kami menunggu arahan baru daripada Malaysia," kata jurucakap tentera India, Kolonel Harmit Singh.

*Koridor utara yang menjangkau lebih kurang dari sempadan Kazakhstan dan Turkmenistan hingga ke utara Thailand, atau koridor selatan dari Indonesia hingga ke selatan Lautan Hindi.*

Selain jalur utara, Najib dalam sidang media pada Sabtu membayangkan kemungkinan kedua pesawat penerbangan MH370 terbang ke arah selatan pada jalur antara Indonesia hingga ke bahagian selatan Lautan Hindi.

Lautan Hindi adalah kawasan laut ketiga terbesar selepas Lautan Pasifik dan Atlantik.

Menurut Dave Gallo, seorang pakar di Institut Kajian Lautan Woods Hole di Massachusetts, kawasan selatan Lautan Hindi merupakan antara kawasan perairan yang cukup berbahaya.

"Lebih ke selatan dari Malaysia, keadaannya lebih rumit, lebih dalam dan lebih bergelora," kata Gallo, dan menambah, ia mungkin lebih dalam daripada kedalaman nahas Air France AF447 pada 2009.

Gallo terlibat mengetuai usaha mencari pesawat AF447 itu yang terhempas ke dalam Lautan Atlantik pada 2009. Serpihan dan bangkai pesawat Airbus A330 itu ditemui lima hari selepas nahas tetapi kotak hitam pesawat hanya dapat dikeluarkan dua tahun kemudian.

Pesawat penerbangan MH370 yang menuju ke Beijing dari Kuala Lumpur hilang sejak 8 Mac lalu selepas dikesan oleh satelit pada 8.11 pagi hari yang sama dari lokasi yang tidak dapat dikenal pasti.

Lokasi itu dijangka berada antara dua kawasan iaitu jalur utara antara sempadan Kazakhstan hingga ke utara Thailand dan jalur selatan dari Indonesia ke bahagian selatan Lautan Hindi.

Usaha mengesan pesawat itu sebelum ini disertai oleh 14 negara dan sekarang bakal disertai oleh negara-negara berdekatan jalur berkenaan termasuk Kazakhstan, Uzbekistan, Kyrgyzstan, Turkmenistan, Pakistan dan Myanmar.

Kementerian Pengangkutan dalam satu kenyataan media hari ini memaklumkan kedua-dua jalur utara dan selatan itu diberikan perhatian yang seimbang dalam usaha mengesan pesawat yang hilang itu.

Copyright © Astro Awani Network Sdn. Bhd. 2014 (535275-D).

Source: <http://www.astroawani.com/news/show/tidak-mungkin-mh370-terbang-ke-sebelah-utara-kata-pengawal-trafik-india-31928?cp>